

---

# AL-HIKMAH

---

**Jilid**      **9**      **ISSN 1985-6822**      **2017**  
**No.**      **1**      **1438**

---

- ANALISIS AWAL PEMILIHAN JODOH KAUM LELAKI DI KOTA BHARU, KELANTAN ...3-24  
*Abdul Munir Ismail & Muhamad AR*
- HUBUNGAN ANTARA GAYA KEPIMPINAN PENGETUA DAN KEPUASAN KERJA KAKITANGAN KOLEJ KEDIAMAN UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA ...25-32  
*Zaizul Ab. Rahman & Qurratu Ain Rapihi*
- KESAN FILEM SERAM TERHADAP PEGANGAN AGAMA: SUATU TINJAUAN LITERATUR ...33-48  
*Siti Aisyah Hadi Munir @ A. Hadi & Muhammad Faisal Asha'ari*
- ANALISIS TERHADAP TAHAP-TAHAP KETAGIHAN MENURUT TEORI AL-'ISHQ IBNU QAYYIM AL-JAWZIYYAH ...49-59  
*Abdul Wahab Md. Ali*
- PENGHAYATAN AGAMA ISLAM DALAM KALANGAN BIDAYUH MUSLIM SARAWAK ...60-79  
*Roziah Binti Chek & Jaffary Bin Awang*
- TRANSFORMASI HUBUNGAN KEKELUARGAAN SAUDARA KITA DARI SUDUT AKHLAK SELEPAS MEMELUK ISLAM DI JOHOR ...80-109  
*Nur Najwa Hanani Abd Rahman & Razaleigh Muhamat @ Kawangit*
- BAHASA DA'I DALAM KOMUNIKASI DAKWAH KEPADA MASYARAKAT ORANG ASLI ...110-127  
*Nur Damia Husna Nor Sad & Zulkefli Haji Aini*
- GERIMIS: PENGGUNAAN FILEM TAN SRI P. RAMLEE SEBAGAI KAJIAN KES DALAM KURSUS KOMUNIKASI ANTARA BUDAYA DI UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA (USIM) ...128-140  
*Selvarani P. Kovil Pillai*
- KESEDARAN AGAMA DI KALANGAN BELIA DI DESA KEDA SADEK, KUPANG, KEDAH: SUATU KAJIAN TINJAUAN LITERATUR...141-158  
*Muhammad Khairul Azhar Ghazali & Nur 'Athiroh Masyaa'il Tan Abdullah*
- SUMBANGAN SHAYKH MUIM AL-WAHHAB DALAM BIDANG POLITIK DI BESILAM LANGKAT... 159-172  
*Zikmal Fuad & Abdul Ghafar Don*
- BOOK REVIEW: ARCHAEOLOGY & WORLD RELIGION... 173-179  
*Badlihisham Mohd Nasir, Abdul Ghafar Don, Gan Wei Nie, Ismah Shamirah Ismail, Nur Amira Mohd Zailani & Raja Puteri Nurul Affiqah Raja Ahmad*

## Analisis Terhadap Tahap-tahap Ketagihan Menurut Teori *Al-'Ishq* Ibnu Qayyim Al-Jawziyyah

Analysis of The Addiction Stages According to *Al-'Ishq* Theory by Ibnu Qayyim Al-Jawziyyah

ABDUL WAHAB MD. ALI

### ABSTRAK

Ketagihan merupakan satu penyakit minda yang mempunyai tahap-tahap ketegarannya yang tersendiri. Ini merujuk kepada realiti kerinduan seseorang terhadap sesuatu itu berbeza-beza dan mempunyai simptom yang berlainan. Para sarjana Islam turut membuat penelitian terhadap aspek kerinduan kepada sesuatu dalam karya-karya mereka. Antaranya tokoh ilmuan Islam yang terkenal, Ibnu Qayyim al-Jawziyyah yang memperincikan hal ini dalam konsep atau teori *al-'Ishq* di dalam beberapa kitabnya. Kajian ini akan menganalisis tahap-tahap ketagihan berdasarkan teori *al-'Ishq* oleh Ibnu Qayyim. Kajian ini menggunakan metod induktif, deduktif, serta komparatif. Hasil kajian mendapat terdapat hubungan yang sangat rapat di antara teori *al-'Ishq* dan ketagihan dari sudut definisi dan peringkat-peringkatnya. Justeru, pendekatan terapi *al-'Ishq* yang dicadangkan oleh Ibnu Qayyim berdasarkan tahap-tahap keasyikan boleh diterokai sebagai suatu input dalam mengemukakan langkah-langkah pemulihan terhadap sebarang isu yang melibatkan ketagihan.

**Kata Kunci:** Ketagihan, Pemulihan, Kerinduan, Teori *al-'Ishq*, Ibnu Qayyim Al-Jawziyyah

### ABSTRACT

Addiction is a human mental condition that occurs through certain various stages. Each individuals' craving towards certain things or objects has its own symptoms and differs according to each specific context. This area of knowledge had drawn several Islamic scholars in the past to perform in-depth research on the aspects of addiction and craving behavior. One prominent scholar, Ibnu Qayyim al-Jawziyyah comprehensively discusses this issue in several of his literatures by introducing the 'Ishq' concept or theory. This research aims to find a connection between 'Ishq'

theory and the stages of addiction through inductive, deductive and comparative methods. As a result, we found that there exist a strong connection between ‘Ishq’ theory and addiction through the definition as well as its stages. Thus, the therapy approach that was suggested by Ibn Qayyim with regards to the stages of addiction could be a good input in outlining rehabilitative measures in dealing with addiction related issues.

**Keyword:** Addiction, Rehabilitation, Craving, Ibn Qayyim Al-Jawziyyah, ‘Ishq Theory.

## PENDAHULUAN

Kecintaan terhadap sesuatu sering menjadikan seseorang dikuasai rasa *al-Ishq*. *Al-‘Ishq* pula akan menatijahkan rasa ketagihan. Ketagihan telah diiktiraf dalam konteks perubatan moden sebagai sejenis penyakit dan bukan lagi masalah mental atau moral sejak tahun 1810. Malah ungkapan ‘ketagihan sebagai satu penyakit’ digunakan secara formal sejak tahun 1945 lagi<sup>1</sup>.

Apa yang lebih menarik, hal menyifatkan ketagihan sebagai sejenis penyakit bukanlah sesuatu yang baru dalam konteks ilmu-ilmu Islam. Ia hakikatnya sudah disebut sebelum itu oleh salah seorang sarjana ulungnya pada abad ke tujuh Hijrah (14 M) iaitu Ibn Qayyim al-Jawziyyah. Walaupun tidaklah menggunakan perkataan ‘ketagihan’ secara tepat, beliau telah menggunakan perkataan yang menjurus kepada natijah yang sama iaitu *al-Ishq*. Beliau dalam menghuraikan teori ini turut menyebut secara detail tentang peringkat-peringkat *al-‘Ishq*. Justeru makalah ini akan cuba menganalisis secara komparatif antara peringkat-peringkat ketagihan dan peringkat-peringkat *al-‘Ishq* sebagaimana yang dikemukakan oleh beliau.

## IBNU QAYYIM DAN ISTILAH AL-‘ISHQ

Menurut Al-Tahhan (2004), Ibnu Qayyim al-Jawziyyah atau nama sebenarnya Abu Abdullah Syamsudin Muhammad bin Abi Bakr bin Ayyub bin Sa’ad bin Hazir bin Makki merupakan seorang ilmuwan Islam yang masyhur pada kurun ke-14M. Beliau lahir pada pada 7 Safar 691 Hijriah dan meninggal dunia pada tahun 751 Hijriah.

<sup>1</sup> Ketagihan mula disebut sebagai satu penyakit bukannya masalah mental atau masalah moral pada tahun 1810 oleh Dr. Benjamin Rush. Pada tahun 1945, American Medical Association menggunakan istilah secara formal dan ia dituruti oleh organisasi yang lain. (Linda L. Simmons, 2008)

Beliau meninggalkan khazanah penulisan yang sangat banyak kepada umat Islam dalam pelbagai bidang ilmu seperti hadis, sirah, adab, fiqh, usul, akidah dan bahasa. Antara penulisannya yang terkenal ialah *I'lam al-Muqi'in*, *Ighosah al-Lahfan*, *Tahzib Sunan Abi Dawud*, *Zad al-Ma'ad*, *Al-Showa'id al-Mursalah*, *Ijtima' al-Juyush al-Islamiy*, *Raudhah al-Muhibbin wa Nuzhah al-Mushtaquin*, *al-Jawab al-Kafi Liman Saala 'an al-Dawa' a-Shafi* atau juga dikenali dengan nama *a-Da' wa al-Dawa'*, *al-Tibb al-Nabawi*, *Zaad al-Ma'ad*, *Madarij al-Salikin* dan *Tariq al-Hijratain wa Bab al-Sa'adatain*.

Beliau adalah antara ulama yang begitu berminat dan banyak sekali membahaskan secara khusus dan terperinci berhubung persoalan cinta dan rindu di dalam penulisannya. Sekurang-kurangnya dikesan lima antara karyanya telah menghuraikan masalah *al-'Ishq* secara terperinci, iaitu *Raudhah al-Muhibbin wa Nuzhah al-Mushtaquin*, *al-Jawab al-Kafi Liman Saala 'an al-Dawa' a-Shafi* atau juga dikenali dengan nama *a-Da' wa al-Dawa'*, *al-Tibb al-Nabawi*, *Zaad al-Ma'ad*, *Madarij al-Salikin* dan *Ighosah al-Lahfan*.

Justeru, keenam-enam buah kitab ini menjadi rujukan utama penulis dalam memahami konsep *al-'Ishq* menurut pemahaman Ibnu Qayyim Al-Jawziyyah. Bagi definisi *al-'Ishq*, ia dijelaskan dengan panjang lebar di dalam kitab *Raudhah al-Muhibbin wa Jannah al-Mushtaquin*, seterusnya pandangan beliau tentang peringkat-peringkat *al-'Ishq* serta langkah untuk menyembuhkannya banyak diulas di dalam kitab *Al-Jawab al-Kafi*, *Tibb al-Nabawi* dan *Zaad al-Ma'ad*. Berhubung dengan hakikat cinta dan rindu sebenar kepada Allah, ia banyak dibahaskan di dalam kitab *Madarij al-Salikin* dan lain-lain.

## KETAGIHAN: DEFINISI DAN PERINGKAT

### i. Definisi Ketagihan

Secara literal, Kamus Dewan Edisi Keempat (1993) mendefinisikan perkataan ketagihan merujuk kepada rasa ingin dan gemar akan sesuatu. Ibn Manzhur (1997) mendefinisikan ketagihan atau *al-idman* (الإِدْمَانُ) dalam istilah Arabnya, sebagai perbuatan melazimi sesuatu dan tidak dapat berhenti daripadanya. Contohnya, seseorang itu dikira penagih (المُنْهَجُونَ) atau *mudmin*, jika mereka sentiasa melazimnya serta tidak dapat berhenti daripadanya. Ketagihan juga boleh disebutkan sebagai (عَثْجَانٌ) atau 'athjan iaitu berulang-ulang dan berterusan melakukan sesuatu.

Menurut Durri Hasan Izzat (1986), kalimah ketagihan merujuk kepada penggunaan bahan-bahan memabukkan secara berterusan tanpa alasan-alasan perubatan sehingga membuatkan seseorang mengalami pergantungan secara fizikal dan mental, atau pergantungan salah satu daripadanya, serta tidak dapat meneruskan hidup tanpanya.

Dari sudut pandang perubatan pula, definisi ketagihan dilihat lebih luas dan mencakupi aspek-aspek ketagihan yang lain selain penggunaan bahan memabukkan. Menurut The American Heritage Stedman's Medical Dictionary (1995) mendefinisikan ketagihan atau ‘addiction’ sebagai “...*Habitual psychological and physiological dependence on a substance or practice beyond one's voluntary control...*” iaitu kebiasaan pergantungan psikologi dan fisiologi pada bahan atau amalan yang berada di luar kawalan sukarela seseorang.

Menurut Linda L. Simmons (2008), ketagihan ialah “..*a compulsive cravings for something in spite of negative consequences that come from pursuing its use. The compulsive cravings of addiction have physiological, psychological and emotional components*” iaitu suatu keinginan yang kompulsif (mendesak) terhadap sesuatu yang mengakibatkan kesan yang negatif daripada penggunaannya. Keinginan yang kompulsif dalam ketagihan ini merangkumi sudut fisiologi, psikologi dan emosi.

William R. Miller (2011) menyatakan bahawa kebanyakan definisi yang dinyatakan oleh pakar perubatan memberikan tiga aspek yang penting dalam menjelaskan ketagihan iaitu:

- a. Sesuatu yang dibuat berterusan, berulang-ulang dan menjadi tabiat.
- b. Lazimnya ia akan melepas kawalan minda sedar seseorang individu.
- c. Ia tidak semestinya membabitkan penggunaan dadah walaupun mempunyai hubungan yang sangat rapat.

Ini bertepatan dengan pernyataan Linda L. Simmons (2008) bahawa secara tradisinya, ketagihan selalunya dikaitkan dengan kokain, alkohol, heroin, serta bahan-bahan kimia lain namun kini ia melibatkan beberapa tingkahlaku yang kompulsif- termasuk perjudian, membeli-belah, makan dan menonton pornografi- yang boleh menyebabkan rangsangan ketagihan di dalam otak.

Pengkaji banyak mendatangkan definisi-definisi perubatan dan pakar psikologi Barat dalam menjelaskan erti ketagihan kerana mereka dilihat lebih menjuarai isu ini dan terdapat banyak kajian telah dibuat terhadapnya.

Kesimpulannya, berdasarkan definisi-definisi ketagihan daripada sudut bahasa, psikologi, perubatan serta ulama Islam, dapat difahami bahawa ketagihan merupakan suatu gangguan tingkahlaku yang terjadi

kepada seseorang sehingga menimbulkan keinginan untuk mengulangi sesuatu perbuatan tanpa mengira akibat daripada perbuatan tersebut. Ia dilakukan pada permulaannya dengan perasaan gemar, cinta dan penuh keseronokan namun pada akhirnya ia melepas kawalan minda seseorang sehingga ia memperhambakan tubuh dan akal seseorang. Gangguan ini bukan sahaja berlaku terhadap orang yang mengambil bahan-bahan tertentu bahkan turut berlaku terhadap orang yang cenderung melazimi suatu amalan atau perlakuan tertentu.

### **ii. Peringkat Ketagihan**

Menurut Muhammad Mahmud Al-Harari (1987), penyakit ketagihan mempunyai beberapa peringkat. Secara umumnya, seorang penagih boleh dikenalpasti melalui tiga peringkat iaitu:

a. Peringkat Kebiasaan (*habituation/i'tiyad*).

Ini adalah peringkat permulaan. Pada peringkat ini seseorang akan cenderung mengambil sesuatu bahan atau melakukan sesuatu tindakan secara berulang-ulang tanpa ada sebarang pergantungan mental atau fizikal terhadap bahan tersebut. Ia dilakukan dengan kerelaan sendiri dan penuh rasa cinta dan kenikmatan.

b. Peringkat Peningkatan (*tolerance/tahammul*)

Ini adalah peringkat perubahan daripada sekadar keinginan dan kebiasaan kepada keperluan. Pada peringkat ini, seseorang akan merasa keterikatan dan pergantungan dirinya dengan perbuatan tersebut sehingga sentiasa meningkatkan pengambilan atau penggunaannya untuk mencapai kelazatan dan seronokan yang diinginkan.

c. Peringkat Pergantungan (*dependence/isti'bad*)

Ini adalah peringkat kemuncak yang menyebabkan seseorang akan bergantung sepenuhnya serta diperhambakan oleh bahan atau sifat tertentu. Ia akan mengawal tubuh, jiwa dan emosi seseorang walaupun ia bertentangan dengan kemauan diri. Apabila keperluan tersebut tidak dipenuhi, seseorang akan mengalami gangguan dan melakukan perkara-perkara di luar fikiran. Ia sampai ke tahap *al-fitham* (*abstentious*).

Bagi Jawwad Fatayir (2001) pula, ketagihan boleh dibahagikan kepada lima peringkat yang lebih terperinci iaitu:

a. *Iktishafat* (percubaan)

Mula mengenali dan mendapat kesan-kesan positif dan keseronokan.

b. *Shahr Al-Asal* (bulan madu/keseronokan)

Kenikmatan dan hubungan semakin bertambah, penggunaan bahan, masa dan tenaga ditingkatkan terhadapnya. Dapat merasakan wujudnya negatif tetapi tidak menyerlah berbanding positifnya.

c. *Al-Khalkhalah* (ketagihan awal)

Hubungan semakin rapat, bahan atau perkara itu menjadi perkara penting dalam hidup, keluarga dan masyarakat merasai perubahan.

d. *Al-Rubabika* (peningkatan)

Mula mengabaikan kewajipan, hubungan dengan keluarga dan masyarakat menjadi buruk serta mula terlibat dengan masalah sosial dan jenayah.

e. *Al-Zilzal* (kemuncak ketagihan)

Tidak memikirkan lagi hal ehwal lain selain bahan atau amalan yang menjadi ketagihan, perubahan kepada fizikal dan mental, bermasalah dengan semua orang serta cenderung melakukan pelbagai jenayah.

## AL-‘ISHQ: DEFINISI DAN PERINGKAT

i. Definisi *al-‘Ishq*

Menurut Ibnu Qayyim (2012), *al-‘Ishq* merupakan satu cabang daripada *mahabbah* atau cinta. Terdapat hampir enam puluh istilah bagi menggambarkan *mahabbah* atau rasa cinta dalam bahasa Arab. Banyaknya nama pada sesuatu perkara membuktikan wujudnya pengagungan atau perhatian diberikan terhadap perkara tersebut. Ibnu Qayyim (2004) pula menyatakan bahawa apabila cinta seseorang telah mencapai tahap *al-‘Ishq* ia berubah menjadi satu penyakit yang memerlukan rawatan tertentu sebagai langkah pemulihian.

*Al-‘Ishq* berasal daripada kalimah (عشق). Di dalam Kamus *Al-Sahhabah*, ia diterjemahkan dengan puncak cinta. Orang yang ditimpa *al-‘Ishq* disebut sebagai *al-‘Ashiq*. Lelaki yang ‘*Ashiq* ialah lelaki yang meluap-luap cintanya. Ia juga bermakna ketaajuhan orang yang mencintai terhadap sesuatu sehingga dia berada di antara suatu yang terhormat dan yang terhina.

Ibnu Qayyim (2012) menyatakan bahawa ada pendapat mengatakan *al-'Isyq* pada asalnya merupakan sejenis tanaman yang menghasilkan getah pelekat. Sebab itu ia cinta disebut *al-'Ishq* kerana ia melekat di dalam hati seseorang. *Al-'Ishq* juga merupakan istilah cinta yang paling buruk dan penggunaannya tidak disukai oleh orang-orang Arab. Mereka seakan-akan menyembunyikan kalimah ini dan dijauhkan penggunaannya dalam bahasa rasmi dan hampir-hampir tiada penggunaannya di dalam syair-syair terdahulu.

Al-Quran dan hadis juga tidak menggunakan istilah ini<sup>2</sup>. Sebahagian ahli sufi membolehkan penggunaannya terhadap Allah tetapi menurut *jumhur*, ia tidak boleh dilakukan kerana beberapa sebab tertentu. Walaupun tiada penggunaannya di dalam al-Quran, namun pemahaman berkenaan boleh difahami di dalam beberapa kisah di dalam al-Quran. Sebagai contoh, Allah SWT bercerita tentang penyakit *al-'Ishq* yang menyerang wanita dan lelaki dalam kisah Yusuf a.s. dan Zulaikha pada surah Yusuf ayat 24. Begitu juga dalam surah al-Hijr tentang kaum Luth yang *al-'Ishq* dan mabuk dalam nafsu mereka terhadap golongan sejenis sehingga diturunkan azab Allah.

#### ii) Peringkat *al-'Ishq*

Oleh kerana *Al-'Ishq* merupakan cabang daripada mahabbah di sisi Ibni Qayyim, justeru peringkat-peringkat dapat dikesan dan diterap melalui penghuraian beliau terhadap peringkat-peringkat dalam *al-Mahabbah*. Menurut Ibnu Qayyim (1983), cinta atau *al-mahabbah* itu mempunyai beberapa peringkat-peringkat yang tertentu. Tahap paling awal disebut *al-Alaqah* kemudian *al-Sababah*, *al-Gharam*, *al-Ishq*, *al-Shauq* dan yang tertinggi ialah *al-Tatayyum*.

- a) *Al-Alaqah*: Wujudnya hubungan dan ikatan hati terhadap perkara yang dicintainya.
- b) *Al-Sababah*: Perasaan halus yang cenderung kepada sesuatu perkara.
- c) *Al-Gharam*: Cinta yang berterusan terhadap sesuatu.
- d) *Al-Ishq*: Cinta yang melibatkan pergantungan hati terhadap sesuatu yang dicintai sehingga tidak dapat berpisah darinya.
- e) *Al-Shauq*: Cinta rindu yang turut melibatkan pergantungan hati terhadap sesuatu tetapi ia lebih besar berbanding *Al-Ishq*.

<sup>2</sup>Ada sebuah hadis yang menggunakan menggunakan lafadz ini tetapi ia dipertikaikan oleh ramai ulama kerana kedudukan hadis tersebut. Ada yang mengatakan ia dhaif jiddan dan tidak kurang juga yang mengatakan ia hadis palsu. Hadisnya berbunyi: ﴿مَنْ عُشِقَ غَفَّافٌ فَكَمْ فَمَاتٌ فَوْهَبِيَدٌ﴾ yang bermaksud, “Barang siapa yang asyik bercinta tetapi menahan cintanya kemudian mati maka dia dikira syahid.”

f) *Al-Taabud/Al-Tatayyum*: Cinta yang membawa kepada penghambaan diri sepenuhnya terhadap sesuatu yang dikasihi.

Di dalam penulisan yang lain, Ibnu Qayyim (2000) dilihat telah memperincikan lagi pembahagian *mahabbah* kepadanya sembilan peringkat iaitu *al-Alaqah*, *al-Iradah*, *al-Shababah*, *al-Gharam*, *al-Widad*, *al-Syaghaf*, *al-‘Isyq*, *al-Tatayyum*, *al-Taabud*, dan *al-Khullah*.

### ANALISIS HUBUNGAN ANTARA *AL-‘ISHQ* DAN KETAGIHAN

*Al-‘Ishq* dan ketagihan dilihat mempunyai titik persamaan dan pertemuan dalam definisi dan peringkat-peringkatnya. Persamaannya boleh diperhatikan seperti berikut:

#### i. Definisi *Al-‘Ishq* dan Ketagihan

Penyakit *al-‘Ishq* bermula kerana cinta dan gemar yang bersanggatan terhadap sesuatu manakala penyakit ketagihan juga berlaku kerana penggunaan sesuatu bahan atau amalan yang bermula dengan rasa gemar dan seronok terhadap sesuatu. Apa yang membezakannya mungkin kerana tidak semua ketagihan itu akan berakhir dengan rasa suka dan seronok sebagaimana penyakit *al-‘Ishq*. Sebagai contoh, orang yang sudah mengalami ketagihan bahan-bahan seperti dadah pada kemuncaknya mereka sudah benci terhadap dadah tetapi tidak mampu berhenti dan mengawal diri daripada menggunakannya.

#### ii. Peringkat *Al-‘Ishq* dan Ketagihan

Peringkat-peringkat *al-‘Ishq* dan ketagihan sememangnya terdapat perkaitan yang sangat rapat. Secara teorinya, ia tidak jauh berbeza dengan asas yang digunakan dalam kajian sosial terhadap tingkah laku sesebuah masyarakat yang mana ia terbahagi kepada empat peringkat iaitu bermula dengan hobi, kemudian berubah menjadi kebiasaan. Daripada kebiasaan berubah menjadi tabiat sehingga pada akhirnya ia sebatی dalam masyarakat dan membentuk budaya. *Al-‘Ishq* dan ketagihan juga lazimnya bermula daripada hobi, menjadi kebiasaan dan tabiat seterusnya menjadi sebatі dalam diri seseorang.

#### iii. Komparatif antara *Al-‘Ishq*, Ketagihan dan Tahap Keperluan dalam Maqasid Shariah

Jika dirumuskan daripada sudut pandang alam Islami, peringkat *al-'Ishq* dan ketagihan juga sebenarnya boleh dilihat dalam kerangka ilmu *Maqasid Shariah*. Dalam ilmu *Maqasid*, terdapat tiga hieraki keperluan dalam hidup manusia sama ada ia berada pada tahap *dharuriat* (keutamaan), *hajiat* (keperluan), atau *tahsiniyat* (kesempurnaan). *Mahabbah* atau cinta pada tahap *al-alaqah* dan *al-sababah* boleh diletakkan sebagai tahap pertama iaitu tahap wujudnya hubungan dan ikatan antara seseorang dengan yang dicintainya. Hubungan ini boleh dikategorikan sebagai *tahsiniyat* yang mana ia dilakukan secara suka-suka tanpa ada desakan dan keperluan terhadap seseorang.

Pada tahap kedua, ia melibatkan satu ikatan dan perasaan yang kuat sehingga seseorang ingin sentiasa berada di samping yang dicintai. Kewujudan yang dicintai menjadi suatu perkara yang penting buatnya. Tahap *al-Gharam*, *al-'Isyq* dan *al-Shauq* mungkin berada pada tahap ini. Tahap ini boleh disebut sebagai *hajiat*. Manakala tahap terakhir iaitu pergantungan hidupnya terhadap yang dicintai sepenuhnya serta tidak dapat lari darinya. Tahap *al-Taabud* atau *al-Tatayyum* mungkin berada pada tahap ini. Tahap ini boleh disebut sebagai *dharuriat*.

Pada tahap pertama ketagihan menurut Muhammad Mahmud al-Harari, iaitu tahap kebiasaan (*habituation/al-I'tiad*) serta tahap percubaan (*iktishafat*) dan keseronokan (*Shahr al-Asal*) menurut Jawwad Fatayir, seseorang melakukannya kerana keseronokan semata-mata justeru maksud pengambilan bahan atau pengamalan sesuatu pada ketika ini adalah seperti suatu *tahsiniyat* buat dirinya.

Pada tahap kedua iaitu tahap peningkatan (tolerance/*al-Tahammul*) menurut Muhammad Mahmud al-Harari, serta tahap *al-Khalkalah* dan *al-Rubabika* menurut Jawwad Fatayir, seseorang itu sudah merasakan sedikit terikatan dan pergantungan. Perbuatannya untuk memenuhi keinginan dengan meningkatkan penggunaan ini boleh dianggap seperti suatu *hajiat* untuknya.

Pada peringkat terakhir iaitu peringkat pergantungan (*dependence/isti'bad*) menurut Muhammad Mahmud al-Harari dan tahap *al-Zilzal* menurut Jawwad Fatayir, ketagihan itu sudah menjadi sebat dengan diri, keperluan untuk mendapatkannya sudah mendesak atau kompulsif sehingga ia menjadi seperti suatu *dharuriat* yang tidak dapat tidak perlu dipenuhi oleh seseorang.

## KESIMPULAN

Wujud persamaan yang jelas di antara penyakit *al-‘Ishq* dan ketagihan dalam definisi dan tahap-tahapnya. Persamaan ini boleh digunakan sebagai asas untuk meninjau pendekatan alternatif yang boleh diaplikasi dalam menangani masalah ketagihan tingkah laku dan sikap seperti mencuri, media sosial, seks, berzina, mengumpat dan lain-lain. Ia juga boleh digunakan untuk membina pendekatan terapi saintifik mahupun alternatif dalam menangani isu kepada ketagihan bahan-bahan tertentu seperti seperti dadah yang merosakkan sistem otak dan mengganggu kewarasan untuk berfikir.

Dalam hal ini, pemerhatian terhadap tulisan-tulisan Ibn Qayyim mengenai topik *al-‘Ishq* dan *mahabbah* serta peringkat-peringkatnya mampu menemukan solusi-solusi dalam pembinaan spiritual, mental, mahupun fizikal demi membantu mereka yang terlibat. Beliau antara lain mengemukakan beberapa prinsip asas seperti *al-Ya’s* (berputus asa), *Ilaj al-Aqli* (membetulkan minda), *Tahsil al-Junun*, *al-Khashyah*, *Fawat al-mahbub* dan sebagainya. Pada tahap tertinggi beliau menyarankan *al-‘Ishq* yang negatif itu perlu diusahakan menjadi *al-‘Ishq* yang positif, iaitu kecintaan agung pada Maha Pencipta.

Kesimpulannya, perbahasan Ibn Qayyim terhadap teori *al-‘Ishq* wajar menjadi bahan terokaan dan penyelidikan, terutama dalam kalangan sarjana mahupun saintis Islam bagi menyelesaikan salah satu penyakit terbesar yang dihadapi oleh peradaban manusia hari ini.

## PENGHARGAAN

Projek ini dibiayai di bawah Skim Geran Penyelidikan Nic (NRGS-KPM) UniSZA/NRGS/2013/RR057, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Kuala Terengganu. Talian yang boleh dihubungi ialah 09-6627034 (Untuk Perhatian: Cik Nurul Shazwani Abdul Rani). Setinggi-tinggi penghargaan kepada Jabatan Pendidikan Malaysia, Kementerian Pelajaran Malaysia, Jabatan Penjara Marang dan Universiti Sultan Zainal Abidin diatas bantuan yang diberikan kepada projek ini.

## RUJUKAN

- Ibnu Qayyim. (2004). *Tibb al-Nabawi*. Dar al-Manar, Kaherah.  
Ibnu Qayyim. (2000). *Madarij al-Salikin*. Dar al-Hadis. Kaherah.

- Hajah Noresah Baharom. (1993). *Kamus Dewan Edisi Keempat*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Ibnu Manzhur, Abi Fadhl Jamaluddin Muhammad bin Makram. (1997). *Lisan al-Arab*. Dar al-Sodir, Beirut.
- American Heritage Dictionary. (1995). *The American Heritage® Stedman's Medical Dictionary* Houghton Mifflin Company.
- Linda L. Simmons. (2008). The Everything Health Guide to Addiction and Recovery: Control your behavior and build a better life. Adam's Media.
- William R. Miller, Alyssa A. Forcehimes, Allen Zweben. (2011). *Treating Addiction: A Guide for Professionals*, Guilford Press, New York.
- Ibnu Qayyim. (2012). *Raudhah al-Muhibbin wa Jannah al-Mushtaquin*. Dar al-Hadis. Kaherah.
- Ibnu Qayyim. (1983). *Al-Jawab Al-Kafi Liman Saala 'an Al-Dawa' Al-Shafī*. Dar al-Hadis. Kaherah.
- Muhammad Mahmud Al-Harawi. (1987). *Min al-Qalaq ila Isti'bad*. Shazarat Arabiah.
- Jawwad Fathayir. (2001). *Al-Idhman; Anwa'uhu, Marahiluhu, ilajuhu*, Dar Al-Shuruq.